

# Fiskal seimbang cabaran menjelang Bajet 2019

BERITA  
HARIAN  
6/8/2018  
P. 23

## → Agenda penting elak kerajaan terus berhutang

Oleh Nora Mahpar  
noramahpar@NSTP.com.my

**U**saha mengukuhkan ekonomi di tengah-tengah sasaran untuk mengecilkan defisit fiskal adalah agenda penting kerajaan sebelum Bajet 2019 dibentangkan November ini.

Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata agenda itu penting bagi mengelakkan kerajaan terus berhutang bagi menampung defisit fiskal.

Katanya, Malaysia mengalami defisit fiskal sejak 1998 dan secara purata defisit fiskal Malaysia ialah negatif 2.97 peratus dari 1998 hingga 2017.

"Kita pernah mengalami lebihan fiskal tertinggi, iaitu 2.4 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) pada 1997 dan terendah negatif 6.7 peratus berbanding KDNK pada 2009. Tahun lalu kita mencatatkan defisit fiskal sebanyak 3.0 peratus dan Bajet 2018 menyasarkan defisit sebanyak 2.8 peratus.

"Amatlah penting bagi kerajaan untuk mengurangkan defisit bajet kerana jika dibiarkan, lama kelamaan akan menyebabkan kerajaan tidak mampu mengurus hutang yang makin bertambah, perbelanjaan pembangunan akan terbantut dan banyak perkara lagi akan terjejas," katanya ketika dihubungi Bisnes NSTP.

### Cabarannya tingkat pendapatan kerajaan

Beliau berkata, kerajaan baharu juga berdepan cabaran untuk meningkatkan pendapatan kerajaan sekurang-kurangnya 6.0 peratus pada 2019 susulan penggantian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Katanya, pendapatan negara bertambah secara purata 4.9 peratus setiap tahun kepada RM225.34 bilion pada 2017 dari pada RM139.9 bilion pada 2007.

"Namun, hutang kerajaan bertambah secara purata 10 peratus setiap tahun sejak

10 tahun lalu dan mencecah RM687.43 bilion pada September 2017, daripada RM266.72 bilion pada 2007.

"Malah, jika kita lihat purata pertumbuhan hutang dari 1997 ke 2017, puratanya lebih tinggi, iaitu 10.8 peratus. Kadar faedah hutang juga bertambah dari RM6.4 bilion pada 1997 kepada RM28.87 bilion pada 2017, iaitu 12.8 peratus daripada pendapatan.

"Dijangkakan kadar faedah hutang pada 2018 akan meningkat kepada RM30.88 bilion, iaitu bersamaan 13 peratus daripada pendapatan negara.

"Oleh itu, jika hutang kerajaan tidak dapat dikurangkan dengan segera, kerajaan perlu memastikan pendapatan negara pada 2019 meningkat sekurang-kurangnya 6.0 peratus bagi menampung beban hutang yang makin meningkat," katanya.

Selain itu, katanya, ekonomi digital juga menjadi cabaran kerajaan sedia ada dengan merancakkan pembangunan modal insan, termasuk pembangunan teknologi blockchain dan juga kecerdasan buatan (AI) atau Internet Kebendaan (IoT) untuk membolehkan negara menjadi terkehadapan

dalam industri ini.

### Perancangan teliti

Sementara itu, Pengarah Projek Strategik UniKL, Prof Madya Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata kerajaan pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad pastinya akan membuat perancangan teliti bagi memastikan inti pati dalam manifesto Pakatan Harapan pada pilihanraya lalu mampu dizahirkan.

Katanya, kerajaan dijangka menjelaskan kedudukan semua projek mega yang terdahulu sama ada diteruskan, diperkeciklan atau diberhentikan.

"Ini termasuklah pelbagai hal seperti bagaimanakah tol lebuhraya dapat dihapuskan atau dikurangkan secara berperingkat," katanya.

Beliau berkata, dasar fiskal negara terus diberi keutamaan dengan beberapa perkara berkaitan pelaburan dalam dan luar negara sememangnya ditunggu-tunggu pelbagai pihak.



Amatlah penting bagi kerajaan untuk mengurangkan defisit bajet kerana jika dibiarkan, lama kelamaan akan menyebabkan kerajaan tidak mampu mengurus hutang yang makin bertambah, perbelanjaan pembangunan akan terbantut dan banyak perkara lagi akan terjejas"

Ahmed Razman Abdul Latiff,  
Pensyarah Kanan Putra Business School